

Buletin
MPKK
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
 مجلس قریبادن کولیم



BIL 02/2011

Naskah : Percuma
Boleh dilayari: www.mpkk.gov.my/web/guest/buletin

MPKK

Ke arah organisasi berprestasi tinggi

Menarik di dalam

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- MPKK Organisasi Berprestasi Tinggi
- Sumber Manusia Peneraju Kecemerlangan MPKK
- Pembangunan Peniaga Kecil
- Program Pengindahan Bandar Kulim
- ICT-Kearah perkhidmatan secara online
- Kulim Bersih
- LA21



SIDANG PENGARANG

Penasihat

En. Harun Bin Jasin

Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulim

Ketua Pengarang

Pn. Norhaya Bt Osman

Timbalan Ketua Pengarang

Pn. Hasnita Bt. Mohd Hashim

Sidang Pengarang

En. Hamzah Bin Abd Halim

Pn. Hjh Siti Fatimah Bt Mohd Akhir

Grafik/Jurugambar

Pn. Zuraida Bt Durani

Pejabat :

Majlis Perbandaran Kulim

No 104-120, Lorong Kota Kenari 5/1,
Kota Kenari, 09000 Kulim, Kedah D.Aman.

Telefon : 04-4905664/4907526/4906522

Fax : 04-4901443

laman web: www.mpkk.gov.my

laman aduan: e-aduan.mpkk.gov.my

emel : info@mpkk.gov.my

Kami mengalu-alukan sumbangan artikel,
cadangan atau komen anda.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Unit Web & Penerbitan,

Bahagian Komunikasi Korporat, MPKK



Bil 01/2011



**Perutusan
Tuan Yang Dipertua**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

MPKK bergerak ke arah Organisasi Berprestasi Tinggi. Selaras dengan Visi MPKK untuk menjadi peneraju Pengurusan Perbandaran Yang Dinamik ,satu identiti yang tersendiri dan unik perlu dicipta dalam semua aspek pengurusan dan perkhidmatan.

Salah satu ciri utama untuk Organisasi Berprestasi Tinggi ialah kepimpinan yang berwibawa dan anggota yang berintegriti, cepat dan berkualiti. MPKK telah berjaya melahirkan anggota yang berkepimpinan dan berintergriti melalui tradisi budaya kerja yang efektif dan cemerlang dengan modal insan yang berkembang secara holistik dan berterusan serta mampu berdaya saing.

Oleh itu MPKK telah mengiktiraf anggota yang mampu menjadi agen perubahan dengan Anugerah Intergiti, Anugerah Kepimpinan dan Anugerah Inovasi.

Kepada anggota yang telah Berjaya, satu majlis meraikan mereka akan diadakan dan diharapkan agar lebih ramai lagi anggota MPKK yang dinamik dan berdaya saing untuk mencapai tahap Organisasi Berprestasi Tinggi.

Sekian. Terima kasih.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010

Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 diadakan pada 4 April 2011 bertempat di perkarangan Kulim Inn bermula jam 8.30 mln. APC diadakan bagi mengiktiraf anggota-anggota yang menunjukkan prestasi yang tinggi terhadap organisasi. Penghargaan disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua MPKK. Antara para tetamu yang hadir Tuan Setiausaha, Ahli-ahli Majlis, Pegawai-pegawai Kanan, Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan penerima anugerah.

Pada malam anugerah tersebut, terdapat 4 kategori anugerah telah diperkenalkan. Anugerah tersebut adalah Anugerah Kepimpinan, Anugerah Integriti, Anugerah Inovasi dan Anugerah Prestasi Khas. Majlis turut meraikan penerima anugerah Anjakan Gaji.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010

Bagi tahun 2010 seramai 23 anggota telah diberi pengiktirafan Pekerja Cemerlang. Peningkatan terhadap prestasi kerja yang tinggi yang ditunjukkan oleh anggota meningkat sebanyak 8% daripada jumlah anggota secara keseluruhannya. Penerima anugerah turut menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai berjumlah RM1000.00.

ANUGERAH KEPIMPINAN

Anugerah ini diperkenalkan kepada anggota yang menunjukkan prestasi kerja yang tinggi, berintegriti, berdisiplin, berinovasi, berpandangan jauh dan keupayaan memimpin yang tinggi dalam merealisasikan visi dan misi MPKK. Penerima turut menerima sijil penghargaan dan wang tunai berjumlah RM500.00.

ANUGERAH INTEGRITI

Kepada anggota yang mempunyai kriteria seperti menepati masa, mematuhi peraturan dan garis panduan, ketepatan dalam melaksanakan tugas, disiplin terhadap kerja yang tinggi dan integriti dalam pengurusan kewangan telah dianugerahkan sebagai anggota yang Berintegriti tinggi. Penerima telah menerima Sijil Penghargaan beserta wang tunai berjumlah RM500.00. Seramai 6 anggota telah dipilih untuk kategori ini.



Salah seorang penerima Anugerah Anjakan Gaji dari Tuan Yang Dipertua.

ANUGERAH INOVASI

Anugerah Inovasi merupakan anugerah yang diberi kepada anggota yang mempunyai keupayaan memperkenalkan inovasi baru bagi mempercepatkan proses kerja serta memberi impak yang tinggi kepada MPKK. Sejak dengan Hari Inovasi MPKK yang telah ditetapkan pada setiap hari Isnin minggu ke empat setiap bulan, anugerah ini merupakan satu penghargaan yang tinggi kepada anggota MPKK dalam menerapkan budaya inovasi di kalangan penjawat awam. Penerima menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai berjumlah RM500.00.

ANUGERAH PRESTASI KHAS

Anggota yang menunjukkan peningkatan kerja secara berterusan turut dianugerahkan Anugerah Prestasi Khas. Penerima anugerah ini perlu mempunyai ciri-ciri seperti disiplin dalam menjalankan tugas, soal selidik pelanggan dan berpenampilan yang menarik. Penerima menerima Sijil Penghargaan beserta wang tunai berjumlah RM500.00.

ANUGERAH ANJAKAN GAJI

Anugerah Anjakan Gaji diberi kepada anggota yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang bagi tiga tahun berturut-turut, mendapat keputusan PTK pada Aras IV dan beberapa kriteria yang telah ditetapkan dalam syarat pemilihan anjakan gaji. Seramai 10 orang anggota telah diiktiraf untuk anugerah ini. Penerima anugerah ini hanya menerima Sijil Penghargaan.

Ucapan tahniah dan setinggi penghargaan kepada penerima anugerah dalam meningkatkan imej MPKK selaras dengan '**MPKK SEBUAH ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI**'. Majlis bersurai pada jam 10.00 mln.

Ke Arah

Organisasi Berprestasi Tinggi

Organisasi berprestasi tinggi adalah sebuah organisasi yang mempunyai sumber manusia yang berkemahiran, berpengetahuan, kreatif, inovatif, struktur organisasi yang mantap dan dinamik, aplikasi ict yang meluas, serta budaya kerja yang cemerlang.

Sehubungan itu MPKK telah menggubal satu Plan Strategik MPKK 2011-2015 yang meliputi dua bidang iaitu pengurusan(ctp) dan juga aktiviti teras(btp). Bidang pengurusan meliputi Sumber Manusia, Kewangan, ICT dan Organisasi.

Manakala bagi perkhidmatan teras meliputi kebersihan, pengindahan, peniaga kecil, penguatkuasaan, pelesenan dan kemasyarakatan. Proses penggubalan Plan Strategik mengambil masa selama 6 bulan dan disiapkan pada Disember 2010. Sebanyak 10 TWG(technical working group) telah diwujudkan bagi penggubalan dan proses pelaksanaan plan strategik. MPKK telah menetapkan visi untuk menjadikan Kulim Sejahtera - Bersih, Indah, Maju dan Selamat.

PELAN STRATEGIK MPKK (2011-2015) Majlis Perbandaran Kulim



Buku Pelan Strategik 2011 yang digubal mengambil masa 6 bulan

BULETIN MPKK BIL 2/2011

Integrity, Speed & Quality Towards Excellence




Mesyuarat Pelan Strategik dipengerusikan oleh Tuan Yang Dipertua.



Pencambahan idea melalui Lab dapat menghasilkan strategik program yang lebih tepat



Salah satu program kearah Organisasi Berprestasi tinggi ialah penjenamaan semula melalui imej korporat.




SUMBER MANUSIA

PENERAJU KECEMERLANGAN MPKK

INFO PENGURUSAN

"Kecemerlangan sesebuah organisasi adalah lahir dari anggota yang berkualiti tinggi. Dengan arahan yang pintar serta pelaksanaan yang mahir, ia merupakan pilihan yang bijak "



Sumber Manusia teras kepada kemajuan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu MPKK telah melancarkan Pelan Strategik Pembanguan Sumber Manusia MPKK (2011-2015).

Pelan ini memberi penekanan kepada peningkatan kepada kemahiran dan pengetahuan anggota, pembentukan sikap dan tingkah laku yang cemerlang, melahirkan angota yang produktif dan inovatif serta melahirkan angota yang berakhhlak mulia dan bermoral tinggi.

Sehubungan dengan itu beberapa strategik program dan inisiatif dilaksanakan antaranya ialah memantapkan program-program latihan angota, keberkesanan pengurusan penilaian prestasi angota, ganjaran dan inisiatif kepada angota yang bersesuaian serta pelbagai program kebaikan angota.

MPKK juga telah mewujudkan dan memantapkan Bahagian Sumber Manusia bagi mengendalikan pengurusan sumber manusia. Kegagalan pengurusan pembangunan sumber manusia akan menyebabkan ketidakpuasan hati pelanggan.

BENGKEL PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA 2011-2015

MPKK telah mengerakkan inisiatif melalui Pelan Strategik Sumber Manusia bagi melahirkan anggota-anggota yang mempunyai budaya kerja yang cemerlang yang mementingkan prestasi tinggi.

Pelan Strategik Sumber Manusia merangkumi beberapa objektif yang antaranya melahirkan angota yang berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi, Melahirkan angota yang proaktif, inovatif dan produkif serta angota yang berdisiplin, berintergriti dan berakhhlak tinggi.



PEMBENTUKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

"BUDAYA KERJA CEMERLANG ADALAH TERAS KEPADA KECEMERLANGAN ORGANISASI."

Budaya cemerlang adalah budaya yang berteraskan kepada kreativiti, inovasi, produktiviti, dan juga nilai-nilai moral dan nilai-nilai murni. Kecemerlangan tidak datang dalam mimpi atau vakum, tetapi merupakan natijah setelah bekerja dengan keras dan bersungguh-sungguh dengan matlamat yang jelas dan berprinsip, dengan mempunyai sikap yang betul dan berpegang teguh kepada nilai-nilai murni keinsanan yang terpuji demi keredhaan Allah swt semata-mata





Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada anggota yang menunjukkan prestasi yang tinggi.



Proses pengambilan anggota baru dilakukan secara telus dengan memenuhi kriteria-kriteria sebagai penjawat awam yang berpotensi tinggi untuk sebuah organisasi.



Anggota MPKK juga diberi peluang untuk menyertai lawatan-sambil belajar. Gambar menunjukkan anggota berada di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Kota Bersejarah pada Bulan April 2011



◀ Kenaikan pangkat kepada anggota yang berkelayakan dan prestasi cemerlang

Perhimpunan pagi dilakukan pada Hari Isnin setiap awal bulan



PENYEDIAAN SKT 2011

Kesinambungan daripada Program Transformasi MPKK, Bahagian Sumber Manusia telah memberi penekanan dan mengambil pendekatan yang lebih fokus dalam pembangunan sumber manusia. Pendekatan dan penekanan ini penting dalam memastikan kepuasan bekerja anggota dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung prestasi kerja anggota dapat diukur dengan lebih jelas dan tepat. Penempatan dan penyusunan semula anggota telah dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan dan kesesuaian bidang tugas serta fungsi.



Bengkel penyediaan SKT 2011 di adakan di Hotel Brasmania, Perlis yang dikendalikan oleh Tuan Yang Dipertua

AGENDA MEMANTAPKAN KEWANGAN MPKK



Dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kewangan Majlis, kemantapan sumber Majlis adalah amat penting bagi membiayai pelbagai aktiviti seperti kebersihan, bekalan kemudahan awam, pembinaan dan pembaikan infrastruktur serta pelbagai aktiviti-aktiviti kesiaran.

Sehubungan dengan itu pelbagai usaha perlu ditingkatkan secara menyeluruh dan berterusan bagi mempelbagaikan sumber hasil, kecekapan kutipan hasil serta langkah-langkah penjimatan dalam pengurusan dan operasi Majlis.

Untuk itu satu Pelan Strategik Kewangan (2011-2015) telah digubal. Beberapa strategik program dan inisiatif telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh berkenaan.

Beberapa usaha strategik telah dikenalpasti bagi mempelbagaikan sumber hasil melalui kegiatan pelaburan serta mengenalpasti/meneroka sumber-sumber hasil baru bagi menampung keperluan Majlis. Usaha untuk mengurangkan tunggakan kutipan hasil telah dirancang dari pelbagai kaedah berkesan.

Budaya hasil telah diperkenalkan kepada setiap anggota bagi mengubah cara berfikir anggota supaya sentiasa melihat dan mencari peluang bagi meningkat dan menambahkan pendapatan hasil Majlis.

Serentak dengan itu juga MPKK mengerakkan usaha-usaha penjimatian bagi menyeluruh dalam semua keadaan dan tempat. Langkah-langkah penjimatan ditumpukan kepada sasaran seperti kerja lebih masa, penyelenggaraan kenderaan, penyelenggaraan elektrik, perjalanan penggerakan anggota (kursus), bekalan-bekalan pejabat dan lain-lain.

Program penjimatanyang yang dilaksanakan antaranya adalah secara 'in-sourcing', 'multitasking', 'cross functional', program peningkatan produktiviti. Amalan-amalan pembaziran dihentikan. Pelaksanaan program/projek berasaskan keutamaan yang menekankan kepada keperluan bukan kerana kemahuan. Penjimatian telah dijadikan sebagai satu budaya pengurusan Majlis. Penyesuaian antara peningkatan hasil dan penjimatian telah dapat membantu untuk meningkatkan sumber kewangan Majlis.







Tuan Yang Dipertua selaku pengurus Jawatankuasa Pemandu Inovasi MPKK

Ahli Jawatankuasa Pemandu Inovasi terdiri dari Pegawai Kanan serta Ketua Bahagian dan anggota yang terlibat

INOVASI DALAM ORGANISASI

.Bagi mencapai taraf Organisasi berprestasi Tinggi ,MPKK telah mempergatkan usaha untuk memupuk budaya inovasi di kalangan anggotanya. Antara usaha itu ialah MPKK telah memperkenalkan Hari Inovasi kepada anggota iaitu pada hari Isnin setiap hujung bulan.

MPKK juga telah menggunakan kaedah kreatif dan inovatif bagi melahirkan fasilitor yang berperanan menjadikan MPKK Organisasi Berprestasi Tinggi.

Dengan wujudnya team-team MPKK yang berfikiran kreatif dant inovatif dan pembelajaran yang berterusan banyak idea-idea baru terutamanya dalam penjimatan kos dan masa, meningkatkan kualiti dan sistem penyampaian perkhidmatan, meningkatkan prestasi anggota dan organisasi seterusnya memudahkan urusan sehari-hari dan kepuasan pelanggan dapat dicipta .

MPKK juga telah menganugerahkan anggotanya yang berjaya menunjukkan inovatif dengan memperkenalkan Anugerah Inovasi setiap tahun.

Bagi memantapkan lagi kefahaman angota mpkk tentang inovasi , pada 28 Februari 2011 yang lalu pihak Majlis Perbandaran Kulim telah menjemput Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk memberikan ceramah bertajuk PEMBUDAYAAN INOVASI DIKALANGAN PENJAWAT AWAM.



Anugerah Inovasi juga diwujudkan kepada anggota yang berjaya mencipta penemuan atau kaedah baru untuk meningkatkan lagi hasil MPKK.

PENEMUAN BARU ALAT PENGUNCI KENDERAAN

Majlis sentiasa memberi peluang kepada anggotanya untuk bebas menghasilkan apa saja bentuk kreatif dan inovatif. Satu inovatif telah yang berjaya di hasilkan oleh anggota MPKK iaitu Alat Pengunci Kenderaan. Alat ini diubah suai dari aksesori kenderaan kepada satu alat pengunci kenderaan cukup ringgan dan mudah dibawa. Kos alat ciptaan baru



Pembentangan projek oleh salah seorang ketua kumpulan kepada Tuan Yang Dipertua dan ahli-ahli yang hadir

Konvensyen Hari Inovasi MPKK diadakan pada Bulan Oktober setiap tahun

Anggota Pengawatkuasa sedang melakukan kerja-kerja mensita kenderaan di sekitar Bandar KULIM

ICT — KE ARAH PERKHIDMATAN SECARA ONLINE

Organisasi cemerlang adalah organisasi yang berteraskan ICT yang tinggi.

Sehubungan dengan itu MPKK telah menyediakan Pelan Strategik ICT (2011-2015) bagi menggerakkan program dan inisiatif ICT dalam semua pengurusan aplikasi MPKK menjelang 2015. Selaras dengan usaha bagi meningkatkan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan penggunaan ICT sudah pasti akan dapat meningkatkan kecepatan proses, ketepatan data, peningkatan produktiviti, pengurangan kos operasi dan seterusnya meningkatkan kepuasan hati pelanggan, 'stake holders' dan juga anggota.

Memandangkan perkembangan ICT yang begitu pesat dan melibatkan kos begitu tinggi, perancangan yang tepat dan ketelitian pemilihan sistem adalah penting. Usaha-usaha juga dibuat bagi meningkatkan tahap kemahiran penggunaan ICT dikalangan anggota. MPKK juga telah menubuhkan Bahagian ICT bagi merancang, melaksana dan menyelaras perlaksanaan pembangunan dan penyelarasan pembangunan sistem ICT di MPKK.




INFO PENGURUSAN



APLIKASI GIS

Aplikasi Sistem maklumat Geografi dalam pengurusan perbandaran adalah amat penting pada masa ini. MPKK melalui Unit GIS di Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyediakan data geospatial untuk kegunaan perancangan dan pembangunan sejak 1995 lagi. Aplikasi GIS dalam pengurusan operasi harian sedang giat dilaksanakan terutamanya bagi tujuan operasi kebersihan, landskap, penguatkuasaan, cukai taksiran, pelesenan dan penyelenggaraan infrastruktur. Di samping itu data dan maklumat juga geospatial Daerah Kulim juga dapat dikongsi bersama oleh agensi kerajaan dan swasta melalui Portal yang telah disediakan dengan bantuan dan kerjasama Pusat Data Geospatial dan Infrastruktur Negara. (Mc GDI).



Program

PEMBANGUNAN PENIAGA KECIL

Dalam usaha meningkatkan pembangunan peniaga-peniaga kecil, MPKK telah menggubalkan sebuah Pelan Strategik Pembangunan Peniaga Kecil (2011-2015), yang merangkumi beberapa strategi, program & inisiatif untuk dilaksanakan sehingga tahun 2015.

Sehubungan dengan itu beberapa program seperti penempatan semula peniaga kecil, naiktaraf pasar malam dan pekan hari, penyediaan tapak dan ruang niaga yang selesa dan berdaya maju, mempermudahkan kelulusan dan lesen perniagaan, khidmat bantuan dan sokongan dan latihan kepada peniaga kecil perlu dilaksanakan.

PELAN STRATEGIK PENIAGA KECIL (2011-2015)

Majlis Perbandaran Kulim

Buku Pelan Strategik Peniaga Kecil 2011-2015



Bengkel Pelan Strategik Peniaga Kecil 2011-2015 dikendalikan sendiri oleh Tuan Yang Dipertua



Usaha MPKK dalam membantu Peniaga Kecil di Kulim dengan mewujudkan Medan Usahawan. Medan Usahawan adalah lokasi himpunan peniaga-peniaga kecil untuk menjadikan Peniaga kecil adalah Usahawan yang berprestasi tinggi dan berkualiti.

Memandangkan kepentingan peniaga kecil dalam struktur ekonomi masyarakat kebersihan, pengindahan dan lain-lain kepentingan sosial, pembangunan peniaga kecil perlulah diberi keutamaan dan tempat yang sewajarnya dalam arus pembangunan bandar.

Pelbagai konsep telah dan sedang diperkenalkan oleh MPKK antaranya ialah bazar malam, van bergerak, bazar jalanan, medan selera, medan usahawan, bazar kraf, peniaga bergerak, kiosk dan sebagainya. Buat masa ini MPKK telah meluluskan lesen serta merta kepada peniaga kecil, MPKK mensasarkan menjelang 2015 sebanyak 15000 petak dan ruang niaga dan 50% daripadanya berpendapatan RM3000 keatas sebulan.

Pelaksanaan dan kejayaan program ini akan melibatkan pelbagai pihak termasuk MPKK, pemaju, agensi-agensi kerajaan dan peniaga kecil sendiri. Setakat ini terdapat sejumlah lebih kurang 5000 peniaga dari pelbagai kategori seperti pasar malam, pekan hari, gerai, dan peniaga bergerak.

KEMPEN MENGHORMATI WAKTU SOLAT MAGHRIB DI PASAR MALAM

90 % dari sumber rezeki adalah dari bermiaga, bagi mendapat berkat dunia dan akhirat Kempen Solat telah dilaksanakan di 16 pasar malam di daerah Kulim pada 17 Mac 2011. Kempen ini bertujuan supaya semua masyarakat menghormati waktu solat dan juga memberi ruang kepada peniaga khususnya peniaga pasar malam untuk bersolat khususnya di waktu Maghrib.

Hanya 15 minit diperuntukkan untuk tujuan solat dan urusniaga dihentikan pada waktu itu. Kemudahan surau untuk tujuan solat kepada peniaga di beberapa pasar malam disediakan oleh MPKK.

Disamping itu juga para peniaga dan pengunjung pasar malam akan diperdengarkan dengan info berkaitan perkhidmatan MPKK dan juga akan disajikan dengan kata-kata hikmat dan motivasi.



Program meningkatkan keseragaman ruang niaga. Khemah bersaiz 10' x 10' disediakan.

LESEN SERTA MERTA



Dalam usaha meningkatkan kepuasan pelanggan, MPKK telah meluluskan Lesen Serta Merta kepada semua peniaga kecil dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Ini membolehkan perniagaan dapat dijalankan dengan cepat dan mudah serta membuka peluang yang luas kepada peniaga kecil yang ingin menjalankan perniagaan.

“9/10 rezeki itu adalah datang daripada perniagaan.”

(Hadis riwayat Tirmizi)

TWG Peniaga Kecil



TWG di tubuhkan bagi merancang dan melaksana sesuatu program dengan teliti dan sempurna. Ahli kumpulan TWG merupakan pegawai yang ‘cross functioning’.

TWG (Technical working Group) peniaga kecil telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kelantan untuk mempelajari konsep Peniaga Kecil. Tuan Yang Dipertua, En Hamzah, Pn Norhaya, Puan Hasnita, Cik Mar Zatul, Cik Rohayu dan En Kamal bin Md Isa menganggotai kumpulan TWG Peniaga Kecil.

Kulim Bandar



BERSIH

Selaras dengan Pelan Strategik Kebersihan MPKK (2011-2015) bagi menjadikan Kulim sebuah bandar yang bersih menjelang 2015, beberapa strategi program dan inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh MPKK.

Memandangkan kebersihan adalah teras dalam perkhidmatan Majlis dan memberi kesan yang luas kepada masyarakat, tumpuan serius telah diberikan oleh pihak MPKK. Menyedari kebersihan adalah bersifat berterusan dan meluas semestinya usaha-usaha bagi meningkatkan kebersihan ini perlu melibatkan pelbagai pihak seperti pemaju, pengilang, penduduk, peniaga, aktiviti-aktiviti kebersihan tertumpu kepada kutipan sampah, pemotongan rumput, pembersihan parit/longkang, tandas awam, premis makanan dan tempat-tempat perniagaan.

Dalam meningkatkan keberkesanan program kebersihan MPKK telah menggerakkan Program LA21 bagi melibatkan masyarakat dalam pelbagai aktiviti kebersihan. Gotong royong masyarakat juga dipertingkatkan, parit-parit monsun dibersihkan.

Pengredan premis makanan, pembersihan tandas awam, usaha-usaha ditumpukan kepada masyarakat melalui program kesedaran kebersihan.

Aktiviti-aktiviti recycling dipertingkatkan ditaman-taman perumahan melalui jawatankuasa penduduk taman.



Mesyuarat Jawatankuasa Kebersihan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan MPKK.



Buku Pelan Strategik Kebersihan MPKK (2011-2015)



Pemotongan rumput di Jalan protokol, Jalan Utama, kawasan riadah serta kawasan perumahan.

Program gotong-royong– hasil kolaborasi bersama pihak swasta, NGO, penduduk serta pelajar-pelajar.

Program Kitar semula di Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim

PEMBERSIHAN PARIT MONSUN

Kulim . Kebersihan Parit monsun merupakan salah satu dari keutamaan perkhidmatan kebersihan Majlis. Panjang keseluruhan parit monsun di Kulim ialah 98km. Anggaran kos bagi menyelesaikan masalah parit monsoon ini adalah sebanyak RM500,000.00. MPKK akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan parit monsun secara berperingkat.

Pada peringkat awal MPKK telah melaksanakan kerja-kerja kebersihan parit monsun di Kawasan Perindustrian Kulim yang melibatkan saliran sepanjang 19km secara ‘out source’. Sebahagian pembersihan dilaksanakan secara ‘in-source’ oleh Jabatan Perkhidmatan Bandar.

Dijangkakan seluruh parit monsun di Kulim dapat dibersihkan dalam tempoh terdekat supaya dapat mengatasi masalah banjir kilat dan juga kesihatan penduduk.



PEMBERSIHAN JALAN PROTOKOL DAN JALAN UTAMA

Program melebarkan pemotongan rumput bahu jalan dari 3 kepada 6 meter. Pemotongan rumput dibahu jalan dilakukan secara berjadual yang melibatkan jalan protocol dan jalan utama. Ia bertujuan memberi impak dari segi pemandangan, estetik agar lebih lapang dan selesa.



PENGREDAN PREMIS MAKANAN

Bagi merealisasikan Pelan Strategik Kebersihan 2011–2015 yang berobjektifkan meningkatkan kebersihan premis makanan, kawasan perniagaan dan perindustrian, MPKK telah menjalankan program pengredan makanan disekitar restoran, kantin sekolah dan kilang-kilang. Dengan ini dapat membantu penduduk memilih premis makanan yang bersih dan selesa.

JENIS RESTORAN	JUMLAH DIPERIKSA	GRED A	GRED B	GRED C
MAKANAN MELAYU	81	-	30	51
MAKANAN CINA	69	2	28	39
MAKANAN INDIA	6	-	1	5
MAKANAN NASI KANDAR	16	2	2	12
FAST FOOD	8	7	1	
JUMLAH	180	11	62	107

**Program penggredan 180 premis makanan di daerah kulim telah dilaksanakan berdasarkan kategori makanan .

PENGREDAN TANDAS AWAM

Program pemeriksaan dan penggredan tandas awam 239 premis di daerah kulim:-

Restoran -142

Stesyen minyak -35

Tandas stesyen bas & tandas awam MPKK - 56

Pasaraya - 6

Pemeriksaan tandas oleh pegawai MPKK



Pemasangan Sticker Kebersihan



BULETIN MPKK BIL 2/2011



PENGINDAHAN BANDAR

“ PENCAHAYAAN KULIM ”

inFO PEMBANGUNAN

Bersetujuan dengan Misi Kulim Sejahtera- Bersih, Indah, Maju dan Selamat, usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi meningkatkan pengindahan bandar Kulim.


Sehubungan dengan itu sebuah/sesuatu Plan Strategik Pengindahan Bandar (2011-2015) telah digubal. Plan ini mengandungi beberapa strategik program dan projek yang akan dilaksanakan melalui pendekatan kolaborasi strategik MPKK dengan pelbagai pihak termasuk pemaju, NGO, agensi kerajaan, pihak swasta dan masyarakat. Teras utama plan strategik ialah landskap dan pencahayaan bandar.

Usaha ini dilakukan untuk menjadikan Kulim sebuah bandar bersih dan indah dan menjadi tarikan kepada pelancong dan juga penduduk-penduduk tempatan khususnya.

Tumpuan diberi kepada penanaman pokok teduhan, landskap kejur, dan pencahayaan bandar. MPKK mensarankan sejumlah 30000 pokok teduhan ditanam menjelang 2015 dipelbagai lokasi jalan protokol, jalan utama, kawasan perindustrian, kawasan perniagaan, bandar, dan taman-taman perumahan.

Usaha juga diberi tumpuan kepada ruang-ruang pejalan kaki diseluruh bandar. Bagi meningkatkan keindahan pada waktu malam usaha sedang dibuat bagi memasang lampu-lampu hiasan, menggalakkan premis-premis perniagaan, memasang lampu dan juga peniaga-peniaga.

Usaha ini dilakukan untuk menjadikan Kulim sebuah bandar bersih dan indah dan menjadi tarikan kepada pelancong dan juga penduduk-penduduk tempatan khususnya.



Pencahayaan diberi tumpuan kepada Jalan Protokol dan Jalan Utama, bangunan perniagaan serta kawasan awam.

KULIM BANDAR PEJALAN KAKI



Bagi menghidupkan suasana sesuatu Bandar, penyediaan keperluan umum merupakan salur nadi utama. Salah satu keperluan tersebut ialah laluan pejalan kaki. Penyediaan sistem pejalan kaki yang bersistematis dan laluan pejalan kaki yang lebih selesa, mudah dan selamat bagi pengunjung-pengunjung di kawasan pusat Bandar adalah merupakan salah satu dari program Pelan Strategik MPKK 2011-2015.

Penyediaan ruang pejalan kaki yang selesa.

TANAMAN POKOK TEDUHAN

Penanaman pokok teduhan dianggarkan sebanyak 10,000 pokok yang terdiri dari pelbagai spesis. Program penanaman pokok teduhan ini turut memberi tumpuan di sepanjang jalan protokol berjumlah 2500 pokok.

Disasarkan sebanyak 4000 unit pokok akan ditanam disepanjang jalan protokol dan jalan utama sepanjang tahun 2011. Selaras dengan Pelan Strategik Pengindahan MPKK, sebanyak 20,000 unit pokok teduhan akan di tanam di sekitar daerah Kulim menjelang tahun 2015.

Antara pokok yang ditanam adalah merawan sifup jantan (*hopea odorata*), pokok yellow flame (*peltaphorum peltacarpum*), pokok hujan-hujan (*samanea saman*), pokok kiara payung (*melia indica*), foxtail palm, palma diraja, pokok kelat paya (*eugenia orelana*) dan sebagainya .

Program penanaman pokok hijau ini akan diteruskan lagi di sepanjang tahun ini akan menambah menarik Bandar Kulim . Kulim juga akan di kenali dengan keindahan dan kesegaran Lanskapnya.



Pokok Eugenia di Jalan Bukit Mertajam



Pokok Hujan-hujan di Jalan KIE



Tanaman pokok teduhan dilakukan oleh anggota Bahagian Landskap

Local Agenda 21

inFO
KEMASYARAKATAN

"Keselesaan penduduk Taman Seri Mahkota dikecapi bersama"



Dibawah tema 'Caring Society', satu Majlis Penyerahan Kunci Surau telah di adakan di Taman Seri Mahkota. Surau yang dikenali dengan nama Tajul Ulum mengambil masa selama 3 bulan untuk siap sepenuhnya. Surau ini dibiayai oleh pemaju Tetuan Aman Hidup Kekal Sdn Bhd.

Majlis yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Penduduk Taman Seri Mahkota serta Jawatankuasa Surau bersama Majlis Perbandaran Kulim disambut secara sederhana.

Majlis disempurnakan oleh Encik Harun bin Jasin selaku Tuan Yang Dipertua MPKK. Dalam ucapan perasmian, beliau meminta supaya penduduk Kulim dapat membantu MPKK ke arah menjadikan Kulim Sejahtera melalui pelaksanaan pendekatan bandar Bersih, Indah, Maju dan Selamat.

Program LA21 merupakan salah satu usaha MPKK untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk. Hasil dari pelbagai program LA21, pihak Majlis akan sentiasa memberi sokongan dan beberapa bentuk kerjasama atau kolaborasi berterusan untuk penduduk bagi mewujudkan Kulim Bandar Sejahtera.

Beliau turut menekankan, agenda Pembangunan Peniaga Kecil yang turut menjadi keutamaan MPKK. Pelbagai aktiviti dan perancangan dibuat sebagai membantu golongan peniaga kecil seperti kelulusan Lesen 24 Jam, ruang niaga, khidmat nasihat dan peluang kepada peniaga dalam memasarkan produk keluaran tempatan. Dengan mewujudkan peluang terbuka ini, gejala sosial dapat dikurangkan khususnya kepada remaja-remaja belia.

Penyerahan kunci surau Tajul Ulum dilakukan oleh Tuan Yang Dipertua kepada Pengurus Jawatankuasa Penduduk Taman Seri Mahkota .

Beliau berharap penganjuran majlis seperti ini perlu diteruskan bagi mengeratkan hubungan pihak MPKK bersama masyarakat setempat. Sayangi Bandar Kulim Untuk Kesejahteraan Penduduk bersama.

Majlis diakhiri dengan solat Asar berjemaah dan jamuan ringan pada jam 4.30 petang.



Tuan Yang Dipertua membuka pintu surau dan dibantu oleh Pengurus JKPPenduduk.



SUDUT MATA



Mei 2011



Lawatan Anggota
ke Melaka
Tarikh : 14 Mei 2011
Tempat: Melaka



Lawatan Inspektorat KP KT
Tarikh : 25 Mei 2011
Tempat: MPKK



Hari Bertemu Pelanggan
Tarikh : 29 Mei 2011
Tempat: Medan Usahawan



Bengkel Belanjawan 2012
Tarikh : 18-20 Mei 2011
Tempat: Flaminggo Hotel, P.Pinang

Jun 2011



Lawatan Sambil Belajar Ahli
Majlis MPKK
Tarikh : 3-7 Jun 2011



XPDC Gunung Bintang
Tarikh : 1-2 Jun 2011
Tempat: Gunung Bin-tang, Sedim

Undian Peniaga Bazar Ramadan
Tarikh : 28 Jun 2011
Tempat: Dewan Bandaran Kulim

Julai 2011



Sambutan Hari Lahir Tuan Setiausaha
Tarikh : 6 Julai 2011
Tempat: Bilik Diskusi, MPKK



Majlis Penghargaan Tuan Yang Dipertua
(Harun Bin Jasir)
Tarikh : 21 Julai 2011
Tempat: Perkarangan MPKK



Bengkel Budaya Kerja Cemerlang Siri 3/2011
Tarikh : 14 — 16 Julai 2011
Tempat: Hotel Tanjung Bungah, P.Pinang



Perasmian Bangunan Kitar Semula Rumah
Kebajikan Bakti Fa Yi
Tarikh : 21 Julai 2011
Tempat: Rumah Kebajikan Bakti Fa Yi



Program Kitar Semula di Sekolah Tunku
Abdul Malik, Kulim
Tarikh : 21 Julai 2011
Tempat: Sek. Keb. Tunku Abdul Malik



ADUAN AWAM

Salurkan aduan anda kepada kami melalui :

MPKK

Telefon : 04-4907526/4905664/4906522

Fax : 04-4901443

Laman Aduan : <http://e-aduan.mpkk.gov.my>

Tol Free : 1800-880-428

E-IDAMAN

Telefon : 04-4951250

Fax : 04-4951258

Laman Web : <http://www.e-idaman.com>

Tol Free : 1800-88-3684